

Polis tumpas sindiket proses dadah RM32.4 juta

Polis tumpas sindiket proses dadah RM32.4 juta

Sebanyak 238kg dadah, lebih 50,000 pil ecstasy dirampas dalam enam serbuan sekitar Johor Bahru

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru

Polis merampas 238 kilogram (kg) dadah serta lebih 50,000 pil ecstasy bernilai RM32.4 juta, selepas membongkar sebuah makmal memproses dadah dekat Kampung Kong Kong Laut, Masai serta enam serbuan berasingan di sekitar bandar raya ini.

Dalam serbuan bermula jam 1.30 hingga 7.45 pagi kelmarin, lapan ahli sindiket termasuk masing-masing seorang warga Singapura dan Vietnam ditahan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata enam lokasi serbuan adalah di Desa Ce-

merlang, Permas Jaya dan dua serbuan masing-masing di Bandar Baru Permas Jaya dan Kampung Kong Kong Laut di Masai.

Katanya, sebanyak 51,750 pil dadah disyaki ecstasy serta 227.6kg serbuk dadah disyaki ecstasy yang boleh menghasilkan 756,667 biji pil dirampas dalam semua serbuan itu.

Rampas wang RM350,000

"Polis turut merampas 10.51kg dadah disyaki syabu, keseluruhannya bernilai RM32.4 juta. Selain itu, 713kg bahan kimia pelbagai jenis dan peralatan memproses dirampas yang jika diproses boleh menghasilkan dadah bernilai RM46 juta.

"Sejumlah RM350,000 wang tunai dalam pelbagai mata wang, termasuk dolar Singapura, Ame-



Mohmad (tiga dari kanan) menunjukkan rampasan dadah dan pil ecstasy bernilai RM32.4 juta pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di Johor Bahru, semalam.

Sindiket memproses ecstasy didalangi warga tempatan dan Singapura itu dikesan menjadikan kawasan terpencil kebun kelapa sawit di Kampung Kong Kong Laut untuk menjalankan kegiatan terbabit.

Mohamad Salleh, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman

rika Syarikat dan Australia serta dong Vietnam, selain tujuh kenderaan pelbagai jenama turut dirampas dalam serbuan yang keseluruhannya bernilai RM590,000.

"Lapan yang ditahan terdiri daripada enam lelaki tempatan, seorang lelaki Singapura dan seorang wanita Vietnam berusia antara 27 hingga 58 tahun," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd.

Buru baki ahli sindiket

Mohmad berkata, sindiket memproses ecstasy didalangi warga tempatan dan Singapura itu dikesan menjadikan kawasan terpencil kebun kelapa sawit di Kampung Kong Kong Laut untuk menjalankan kegiatan terbabit.

"Semua dadah ini dipercayai untuk pasaran tempatan, Indonesia dan Singapura. Polis masih memburu baki ahli sindiket yang dipercayai masih bebas.

"Semua tangkapan direman tujuh hari untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang boleh membawa hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan," katanya.

Dalam perkembangan berikatan, Mohmad tidak menolak kemungkinan Johor antara negeri yang menjadi pusat menghasilkan dan mengedarkan ecstasy yang utama di wilayah Singapura-Johor-Riau (SIJORI), berikutan permintaan yang tinggi.

Beliau berkata, mengikut rekod sebanyak 15 makmal dadah sudah dibongkar di negeri ini sejak 2015 hingga tahun ini.